

Pengundian tamat, debaran bermula
Malaysiakini.com
Mar 08, 2008

Proses pengundian di 21,822 tempat mengundi telah ditutup jam 5 petang.

polling day 080308 voter ballot box 04Sehingga jam 3 petang tadi, kira-kira 58 peratus daripada 10.9 juta pemilih di seluruh negara telah membuang undi.

Bagaimanapun, menurut Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), ia bukan merupakan peratusan keseluruhan kerana masih ada negeri yang belum menghantar laporan.

Setiausahanya Datuk Kamaruzaman Mohd Noor berkata di Selangor, 62.78 peratus pengundi telah menunaikan tanggungjawab sehingga 2 petang tadi.

Sehingga tengahari tadi, pengerusi SPR Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman, berkata 32 peratus keluar mengundi.

Proses pengundian berjalan lancar kecuali di tiga lokaliti di Hulu Rajang, Sarawak di mana bot yang membawa pasukan petugas pilihanraya terbalik akibat arus sungai yang deras.

Ekoran itu, proses pengundian bergerak di tiga lokaliti dalam kawasan parlimen Hulu Rajang ditangguhkan sehingga esok.

Ia membabitkan rumah panjang Uma Sekapan Piit (satu lokaliti) - yang mempunyai 110 pengundi dan Uma Balo Kasing Long Amo (dua lokaliti).

Menurut beliau lagi, maklumat dari negeri-negeri setakat ini menunjukkan, kira-kira 30 peratus pengundi telah mengundi di Sabah dan Kelantan, sementara itu Pulau Pinang (25.25 peratus).

Rakyat Malaysia keluar mengundi hari ini di 7,950 pusat pengundian di seluruh negara untuk memilih wakil rakyat bagi 214 kerusi parlimen dan 501 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh negara, kecuali Sarawak.

Senarai 10.9 juta pengundi berdaftar layak mengundi hari ini dari jam 8 pagi hingga 5 petang.

tony pua cast ballot 080308 lineupPada keseluruhannya, SPR menyediakan 21,822 tempat mengundi, yang kebanyakannya membabitkan sekolah, dewan pelbagai guna dan rumah panjang.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengundi di Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam, Kepala Batas manakala Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pula akan mengundi di Sekolah Menengah Sains Sultan Ahmad Shah, Pekan.

Abdul Rashid menjangka kira-kira 75 peratus pengundi berdaftar akan memangkah pilihan masing-masing hari ini.

Pada hari penamaan calon 24 Februari, Barisan Nasional (BN) menang tanpa bertanding di lapan kerusi parlimen dan tiga kerusi DUN manakala PAS memenangi satu kerusi DUN di Kijang, Kelantan.

BN menang kerusi parlimen Selangau, Kanowit, Tanjung Manis, Kapit and Igan (Sarawak), Kalabakan dan Pensiangan (Sabah), dan Pengerang (Johor) manakala kerusi DUN melibatkan Bugaya dan Gum Gum (Sabah), dan Sementa (Selangor).

Calon-calon dari 14 parti komponen BN bertanding di semua 214 kerusi parlimen, PKR (97), PAS (66) dan DAP (47).

Keputusan pilihanraya kali ini dijangka dapat diumumkan seawal jam 7 malam ini.

Semua tiket perjalanan terutamanya ke Pantai Timur telah habis dijual. Penjual tiket di Puduraya melaporkan jualan tiket pada musim pilihanraya ini lebih laris daripada musim perayaan.

Orang ramai membuat tempahan tiket untuk balik kampung sejak Perdana Menteri membubarkan parlimen pada 13 Februari lalu.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/79407>